

Headline	Bekas pengurus kanan TH tak mengaku rasuah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	4	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	112 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,236



## Bekas pengurus kanan TH tak mengaku rasuah

**Kuala Lumpur:** Bekas pengurus kanan Lembaga Tabung Haji (TH) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga pertuduhan menerima suapan berjumlah RM170,477 pada 2015 dan 2018.

Zaharuddin Hamid, 47, yang juga bekas Pengurus Kanan Teknikal (Seksyen Pembangunan Hartanah) membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Bagi semua pertuduhan, Zaharuddin didakwa secara rasuah menerima suapan daripada Yusaidi Mohd melalui syarikat Amaneez Creative Solution menggunakan cek yang didepositkan ke dalam akaun Maybank milik kakaknya, Zanita Hamid berjumlah RM170,477.

Ia sebagai upah menca-

**RM50,000**

Nilai ikat jamin dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan

dangkan syarikat Consoline Sdn Bhd dan Syarikat MNB Engineering Sdn Bhd bagi kerja ubah suai pejabat TH Ipoh (IFIC), Perak dan tiga di Johor iaitu TH Muar, TH Batu Pahat serta TH Kluang.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan berserta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri di Ibu Pejabat SPRM Kuala Lumpur sebulan sekali sehingga kes selesai. - Bernama